

---

## SIARAN BERITA

# MyCC MENGENAKAN CADANGAN PENALTI KEATAS PENGELUAR PRODUK BAKERI DAN MANISAN KERANA MENETAPKAN HARGA

**KUALA LUMPUR, 30 September 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini telah mengeluarkan Keputusan Cadangan mengenai perjanjian penetapan harga di antara 24 perusahaan yang merupakan ahli-ahli Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu ("*Sibu Confectionery and Bakers Association*" atau SCBA). 24 perusahaan yang merupakan ahli-ahli SCBA ini didapati telah melanggar Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 ('Akta') setelah bersetuju berpakat menetapkan kenaikan harga manisan dan produk bakeri sebanyak 10 hingga 15 peratus di kawasan Sibu, bermula dari 1 Disember 2013.

Keputusan Cadangan MyCC juga menyatakan mengenakan cadangan penalti kewangan sebanyak RM 439,000.00 secara keseluruhannya ke atas perusahaan-perusahaan yang terlibat. Disamping itu MyCC mengarahkan perusahaan-perusahaan tersebut untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan mereka berhenti daripada membuat pelanggaran itu dan mematuhi Akta.

"Penetapan harga merupakan salah satu kebimbangan utama MyCC memandangkan ianya secara ketara menghadkan persaingan," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj. "Perjanjian seumpama yang dijalankan oleh perusahaan-perusahaan pelbagai saiz ini memberikan peluang kepada pihak-pihak tersebut untuk meningkatkan harga untuk memaksimumkan keuntungan tanpa sebarang persaingan."

"Keputusan Cadangan ini bertindak sebagai penghalang bagi persatuan dan perusahaan-perusahaan lain supaya tidak terlibat dalam perjanjian penetapan harga yang melanggar Akta. Amalan ini perlu dihentikan untuk memastikan ekonomi Malaysia berfungsi dengan baik untuk rakyat Malaysia," tambahnya. MyCC akan terus memantau tingkahlaku sedemikian dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian. Perusahaan seharusnya menetapkan harga secara bebas tanpa berbincang dengan pesaing mereka.

MyCC mendapat tahu mengenai pelanggaran tersebut melalui laporan media mengenai hasrat SCBA untuk menaikkan harga lewat tahun lepas dan telah mengeluarkan notis untuk memperoleh maklumat lanjut. Setelah siasatan dijalankan, MyCC telah mendapati 24 perusahaan yang merupakan ahli-ahli SCBA ini telah melanggar dan terus

---

menjalankan kelakuan melanggar Seksyen 4(2) Akta walaupun telah diberitahu kelakuan tersebut antipersaingan.

Kesemua 24 perusahaan tersebut mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh Keputusan Cadangan dikeluarkan bagi mengemukakan representasi bertulis atau memberi indikasi ingin mengemukakan representasi lisan kepada MyCC.

Sebelum ini, MyCC telah mendapati bahawa persatuan seperti pengeluar-pengeluar ais, Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA), Persatuan Pemilik Salun India Malaysia (MIHSA) dan Persatuan Floriculturist Cameron Highlands (CHFA) telah terlibat dalam penetapan harga.

Pihak MyCC telah membuat pemerhatian bahawa tingkah laku antipersaingan ini berleluasa terutamanya semasa musim-musim yang menguntungkan, contohnya semasa musim perayaan dan pada permulaan penggal baru persekolahan.

"MyCC juga memberi amaran kepada semua perusahaan, persatuan dan kumpulan perusahaan supaya tidak menggunakan alasan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan iaitu GST untuk berpakat bersama menetapkan harga barangan atau perkhidmatan. MyCC akan menyiasat dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai terhadap mana-mana perusahaan yang didapati menggunakan pengenalan GST sebagai alasan menetapkan harga," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, lagi.

Untuk maklumat lanjut mengenai kes SCBA termasuk senarai 24 perusahaan tersebut, sila rujuk **Apendiks A**.

Untuk maklumat lanjut mengenai Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**NOTA PENGARANG:**

***Apakah dimaksudkan dengan Keputusan Cadangan ("Proposed Decision")?***

Keputusan Cadangan ialah notis yang dikeluarkan kepada sesebuah perusahaan memaklumkan perusahaan tersebut telah melanggar atau sedang melanggar larangan di bawah Akta Persaingan 2010, berikutan penyelesaian sesebuah siasatan.

---

***Apakah Seksyen 4 (2) Akta Persaingan 2010?***

Butiran mengenai Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010, Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
- (c) membataskan atau mengawal—
  - (i) pengeluaran;
  - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
  - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
  - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

\*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

## **APENDIKS A**

### ***Latarbelakang Kes***

1. Ahli-ahli SCBA telah bersetuju untuk bersama-sama menetapkan kenaikan harga manisan dan produk bakeri semasa Mesyuarat Agung Tahunan SCBA yang kedua (AGM) yang diadakan pada 17 November 2013.

2. Kenaikan harga yang dipersetujui telah diumumkan melalui satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Encik Houng Sien Meu, Pengerusi SCBA. Kenyataan akhbar itu kemudiannya disiarkan dalam beberapa akhbar-akhbar utama, iaitu Sin Chew Jit Poh (18 November 2013), New Sarawak Tribune (19 November 2013), The Star (19 November 2013), Borneo Post Online (20 November 2013) dan Utusan Sarawak (21 November 2013).
3. MyCC yang telah memberikan notis Keputusan Cadangan kepada ahli-ahli SCBA pada 30 September 2014 dan telah memberi mereka sehingga 30 Oktober 2014 untuk memaklumkan kepada MyCC sama ada mereka mahu menggunakan hak mereka untuk memberikan penghujahan bertulis atau memberikan representasi lisan.
4. Senarai 24 perusahaan yang merupakan ahli SCBA yang telah diberikan notis Keputusan Cadangan oleh MyCC adalah seperti berikut:

No.	Nama Perusahaan
1	Aroma Bakery
2	Carnation Cake House
3	Chieng Muk Hin
4	Chung's Bakery
5	Daily Bread
6	Daily Fresh and Sweet Bakery
7	Famous Bakery
8	Farley Bakery
9	Happiness Bakery
10	Lian Yu Bakery Cake Store
11	Ling Kui Ping
12	Mei Hao Bakery
13	Nam Mei Bakery
14	New Chuo An Bakery
15	Pau Kiu Mee
16	Qun Fang Meat Bun Food Industries

No.	Nama Perusahaan
17	Seng Kee Bakery
18	Sibu Central Market
19	Sweetie Bakery
20	To Eat Bakery Sdn Bhd
21	Wong Kieng Seng
22	Wong Ting Tiong
23	Yat Bakery
24	Yong Kong Chuo

MyCC juga memberi arahan kepada kesemua 24 perusahaan tersebut untuk:

- (i) Memberhentikan (“*cease and desist*”) tindakan menetapkan harga produk manisan dan bakeri;
- (ii) Berusaha meminda perlembagaan SCBA untuk memasukkan satu klausa bahawa apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh SCBA akan memastikan pematuhan dengan Akta Persaingan 2010;
- (iii) Menjalankan latihan pematuhan Akta Persaingan 2010 dengan kos yang ditanggung sendiri; dan,
- (iv) Mengeluarkan kenyataan di lima suratkhbar aliran perdana yang menyatakan mereka tidak akan terlibat dalam apa-apa kelakuan yang melanggar Akta.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**



---

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).